

PERKARA 1 : KEHADIRAN

1.1 PERATURAN AM

- 1.1.1 Setiap pelajar diwajibkan hadir ke sekolah pada hari pertama persekolahan.
- 1.1.2 Bagi pelajar-pelajar yang tidak dapat hadir atas sebab-sebab tertentu, pelajar mestilah menyertakan dokumen seperti berikut sebagai bukti:
- a. Sakit - mesti ada surat pengesahan doktor/pegawai perubatan
 - b. Kematian - mesti ada surat pengesahan kematian daripada hospital/penghulu/ ibu/bapa/penjaga.
- 1.1.3 Pelajar yang tidak dapat hadir 3 hari berturut-turut dalam seminggu atau 10 hari berselang dalam sebulan ke sekolah/aktiviti ko-kurikulum/kelas tambahan/kelas amali dan lain-lain aktiviti sekolah dengan tanpa apa-apa maklumat daripada ibu/bapa/penjaga, surat makluman akan dikeluarkan. Jika tiada tindakan ibu bapa/penjaga selepas TUJUH (7) hari surat makluman akan dikeluarkan, surat Amaran 1 akan dikeluarkan dan seterusnya seperti berikut: - 3 hari berturut-turut,10 hari berselang-selang
- a. Surat amaran 1 - 10 markah demerit
 - b. Surat amaran 2 - 15 markah demerit
 - c. Amaran terakhir - 20 markah demerit
 - d. Makluman Penggantungan dengan tarikh
- 1.1.4 Pelajar yang tidak hadir selama 30 hari berturut-turut atau berselang, pelajar boleh digantung persekolahan selama seminggu (1 minggu) dengan makluman ibu/bapa/penjaga.
- 1.1.5 Pelajar yang tidak hadir selama 60 hari berturut-turut atau berselang, pihak sekolah akan mengambil tindakan menggantungkan pelajar tersebut selama dua minggu (2 minggu) dengan makluman ibu/bapa/penjaga.
- 1.1.6 Mana-mana pelajar yang tidak hadir melebihi 60 hari, pelajar berkenaan akan dicadangkan kepada Jabatan Pelajaran Sabah untuk dibuang sekolah.
- 1.1.7 Pelajar kehadiran kurang 80%, dikehendaki membuat kerja amal yang ditetapkan oleh pihak sekolah mengikut masa dan keperluan.
- 1.1.8 Masa persekolahan:-
- | | | |
|-----------|--------------------|-----------------------------|
| Sesi Pagi | : Isnin – Selasa : | 6.45 pagi - 1.10 petang |
| | Rabu – Khamis: | 6.45 pagi – 12.35 tengahari |
| | Jumaat : | 6.45 pagi – 11.20 pagi |

SMK Perempuan Sandakan : Peraturan Sekolah

Sesi petang	: Isnin – Selasa :	12.30 tengahari- 5.50 petang
	Khamis :	11.55 tengahari- 5.50 petang
	Jumaat :	1.15 tengahari - 5.50 petang
Kelas tambahan	:Mengikut ketetapan pihak sekolah yang akan dimaklumkan dari masa ke semasa.	
Ko-kurikulum	: Sabtu :	7.00 pagi - 11.00 pagi
Kelas Amali	: Masa pelajaran tertentu.	

- 1.1.9 Kelas tambahan dan Ko-kurikulum juga dikira sebagai hari persekolahan dan kehadiran akan diambil kira. Semua pelajar mestilah menepati masa datang ke sekolah/kelas tambahan/kelas amali/aktiviti ko-kurikulum dan lain-lain aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah.
- 1.1.10 Pelajar-pelajar yang lewat mestilah melaporkan diri kepada Guru Disiplin dan pengawas yang bertugas. Jika pelajar datang lewat, pelajar berkenaan dikehendaki membayar denda sebanyak RM 1.00 dan dimasukkan ke dalam akun Unit Disiplin
- 1.1.11 Bagi pelajar yang digantung sekolah sama ada 1minggu atau 2 minggu, ibu/bapa/penjaga dikehendaki hadir ke sekolah pada hari terakhir penggantungan untuk menandatangani surat jaminan berkelakuan baik dan pelajar akan diterima untuk meneruskan persekolahan.

PERKARA 2: UJIAN DAN PEPERIKSAAN

2.1 PERATURAN AM

- 2.1.1 Semua pelajar diwajibkan menduduki ujian bulanan dan peperiksaan yang dikendalikan oleh pihak sekolah, Jabatan Pelajaran Daerah/Negeri dan Kementerian.
- 2.1.2 Pelajar-pelajar yang mempersendakan ujian dan peperiksaan dalam apa jua bentuk sekalipun akan dianggap melakukan kesalahan dan boleh dikenakan tindakan.
- 2.1.3 Semua pelajar tidak dibenarkan keluar dari dewan atau bilik peperiksaan sebelum waktu ujian/peperiksaan tamat kecuali atas kebenaran pihak yang berkenaan.
- 2.1.4 Semua pelajar mestilah bersifat jujur dan dilarang melakukan penyelewengan/penipuan dalam ujian/peperiksaan.
- 2.1.5 Semua pelajar hendaklah mematuhi arahan Unit Peperiksaan Sekolah/Lembaga Peperiksaan Malaysia sewaktu menduduki peperiksaan semester/PMR/SPM dan sebagainya.
- 2.1.6 Pelajar yang didapati memalsukan tandatangan ibu bapa/penjaga atau markah di dalam Buku Rekod Kemajuan Pelajar dengan niat menipu ibu bapa/penjaga/guru adalah dianggap satu kesalahan.

- 2.1.7 Pelajar yang tidak menghadirkan diri untuk menduduki ujian/peperiksaan tanpa sebarang dokumen doktor kepada pihak sekolah dikehendaki membuat kerja amal yang akan ditentukan oleh pihak sekolah.
- 2.1.8 Tidak ada peperiksaan/ujian ulangan bagi pelajar yang tidak hadir menduduki ujian bulanan atau peperiksaan semester.

PERKARA 3: KEGIATAN KO-KURUKULUM

3.1 PENGLIBATAN PELAJAR

- 3.1.1 Semua pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Sandakan diwajibkan mengambil bahagian dalam kegiatan ko-kurikulum. Ketidakhadiran pelajar dalam ko-kurikulum dianggap sebagai ponteng sekolah.
- 3.1.2 Pelajar-pelajar diwajibkan mengambil bahagian dalam gerakerja ko-kurikulum sekolah dalam bidang-bidang berikut:
 - a) Satu gerakerja Pasukan Berpakaian Seragam
 - b) Satu gerakerja Persatuan/Kelab
 - c) Satu gerakerja Sukan dan Permainan
- 3.1.3 Setiap kali perjumpaan, pelajar hendaklah membawa buku rekod gerakerja ko-kurikulum dan diserahkan sendiri kepada guru penasihat untuk ditandatangani dan akan diserahkan kembali kepada pelajar pada hari yang sama.
- 3.1.4 Semua butiran pelajar hendaklah diisi oleh Guru Tingkatan dan lain-lain maklumat mengenai kegiatan pelajar diisi oleh Guru Penasihat.

3.2 PERATURAN-PERATURAN PERSATUAN/KELAB

- 3.2.1 Semua Persatuan/Kelab dikehendaki mempunyai Perlembagaannya sendiri yang telah diluluskan oleh Pengetua.
- 3.2.2 Semua Persatuan/Kelab hendaklah menyerahkan secara bertulis Perlembagaan masing-masing kepada pengetua.
- 3.2.3 Semua Persatuan/Kelab dikehendaki menyerahkan satu salinan senarai perancangan tahunan, senarai nama-nama AJK dan ahli-ahli Persatuan/Kelab kepada Guru Kanan Ko-kurikulum.
- 3.2.4 Semua pelajar dikehendaki menjelaskan yuran persatuan/kelab/unit beruniform yang dianggotainya seperti yang telah ditetapkan dalam perlembagaan masing-masing.

- 3.2.5 Semua pelajar hendaklah mematuhi segala peraturan sekolah dan peraturan-peraturan gerakerja ko-kurikulum sekolah.
- 3.2.6 Sebarang lawatan di dalam atau ke luar negeri yang dianjurkan oleh Persatuan/Kelab/Unit pihak sekolah adalah dianggap sebagai rombongan yang rasmi dan semua pelajar hendaklah mematuhi semua peraturan sekolah demi menjaga nama baik sekolah.
- 3.2.7 Setiap Persatuan/Kelab/Unit yang menaja sesebuah lawatan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis dan menyerahkan maklumat atau butiran berhubung dengan lawatan tidak lewat dari 4 minggu dari tarikh lawatan kepada pihak sekolah.
- 3.2.8 Semua pelajar juga dikehendaki mendapatkan kebenaran ibu bapa/penjaga sebelum mengikuti mana-mana lawatan/rombongan.

PERKARA 3: KEGIATAN KOKURIKULUM

3.1 PENGLIBATAN PELAJAR.

- 3.1.1 Semua pelajar SMK Perempuan Sandakan diwajibkan mengambil bahagian dalam kegiatan ko-kurikulum. Ketidakhadiran pelajar dalam ko-kurikulum dianggap sebagai ponteng sekolah.
- 3.1.2 Semua pelajar diwajibkan mengambil bahagian dalam gerakerja ko-kurikulum sekolah dalam bidang-bidang berikut:
 - a) Satu gerakerja Pasukan Berpakaian Seragam
 - b) Satu gerakan Persatuan/ Kelab
 - c) Satu gerakerja Sukan dan Permainan
- 3.1.3 Setiap perjumpaan, pelajar hendaklah membawa buku rekod gerakerja ko-kurikulum dan diserahkan sendiri kepada guru penasihat untuk ditandatangani dan akan diserahkan kembali kepada pelajar pada hari yang sama.
- 3.1.4 Semua butiran pelajar hendaklah diisi oleh Guru Tingkatan dan maklumat yang lain tentang kegiatan pelajar diisi oleh Guru Penasihat.

3.2 PERATURAN-PERATURAN PERSATUAN/KELAB

- 3.2.1 Semua persatuan/kelab dikehendaki mempunyai perlembagaannya sendiri yang telah diluluskan oleh Pengetua.
- 3.2.2 Semua persatuan/kelab dikehendaklah menyerahkan secara bertulis Perlembagaan masing-masing kepada Pengetua/ PK Kokurikulum

- 3.2.3 Semua persatuan/kelab dikehendaklah menyerahkan satu salinan perancangan tahunan, senarai nama AJK dan ahli-ahli Persatuan/Kelab kepada PK Ko-kurikulum.
- 3.2.4 Semua pelajar dikehendaki menjelaskan yuran persatuan/kelab/unit beruniform yang dianggotainya seperti yang telah ditetapkan dalam perlembagaan masing-masing.
- 3.2.5 Semua pelajar hendaklah mematuhi segala peraturan sekolah dan peraturan-peraturan gerakerja kokurikulum.
- 3.2.6 Sebarang lawatan di dalam atau ke luar negeri yang dianjurkan oleh Persatuan/kelab/Pasukan Berpakaian Seragam atau Sukan dan Permainan adalah dianggap sebagai rombongan yang rasmi dan semua pelajar hendaklah mematuhi semua peraturan sekolah demi menjaga nama baik sekolah.
- 3.2.7 Setiap Persatuan/kelab/Pasukan Berpakaian Seragam atau Sukan dan Permainan yang menaja sesebuah lawatan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis dan menyerahkan maklumat atau butiran berhubung dengan lawatan tidak lewat dari 4 minggu dari tarikh lawatan kepada pihak sekolah.
- 3.2.8 Semua pelajar juga dikehendaki mendapatkan kebenaran ibu bapa/penjaga sebelum mengikuti mana-mana lawatan/rombongan.

PERKARA 4 : PENGAWAS SEKOLAH

4.1 PERATURAN AM

- 4.1.1 Pengawas sekolah adalah dilantik oleh pihak sekolah. Mereka dipilih daripada pelajar-pelajar yang mempunyai peribadi baik, dapat memikul tanggungjawab dengan jujur, dedikasi dan berani menjalankan tugas.
- 4.1.2 Semua Pengawas dilantik secara rasmi. Mana-mana pengawas boleh dilucutkan jawatan jika melanggar peraturan atau tidak berkeupayaan menjalankan tugas dengan baik
- 4.1.3 Pengawas-pengawas adalah bertanggungjawab untuk mengawasi dan memastikan setiap peraturan sekolah diikuti dan dipatuhi oleh semua pelajar SMK Perempuan Sandakan.
- 4.1.4 Pelajar-pelajar tidak dibenarkan menentang atau melawan pengawas sekolah dan mereka mesti mematuhi arahan pengawas.
- 4.1.5 Pengawas-pengawas adalah tertakluk di bawah peraturan sekolah dan peraturan khas pengawas.

- 4.1.6 Pengawas-pengawas hendaklah melaksanakan tugas yang diarahkan oleh pihak sekolah dari semasa ke semasa.
- 4.1.7 Membantu pihak sekolah melakukan '*spot check*' kepada peajar.
- 4.1.8 Pengawas sekolah juga mesti hadir ke sekolah lebih awal daripada pelajar-pelajar lain termasuk ke acara/majlis rasmi.
- 4.1.9 Semua pengawas hendaklah menjaga nama baik dan imej Badan Pengawas dan Sekolah Kebangsaan Perempuan Sandakan sepanjang masa.

4.2 PAKAIAN RASMI

- 4.2.1 Pakaian rasmi pengawas hendaklah dipakai pada setiap hari dan pada-pada acara/majlis rasmi sekolah.
- 4.2.2 Kategori pakaian dan jadual pemakaian :
 - a) Baju kameja putih berlengan dan kain sarung/skirt pink gelap, tudung pink gelap serta bertali leher, setiap hari Isnin dan semasa acara/majlis rasmi sekolah.
 - b) Baju kurung putih, tudung merah jambu (*pink*) gelap, kain sarung/ skirt merah jambu (*pink*) gelap pada hari Selasa hingga Jumaat.
- 4.2.3 Pakaian rasmi ketua kelas:
Baju kurung putih, tudung putih, kain sarung/ skirt hijau gelap.
- 4.2.4 Pakaian rasmi Pengawas Pusat Sumber
Baju kurung putih, tudung putih, kain sarung/ skirt ungu (*purple*)

PERKARA 5 : KELUAR /MASUK KAWASAN SEKOLAH

5.1 KELUAR KAWASAN SEKOLAH

- 5.1.1 Hanya ibu bapa/penjaga pelajar sahaja yang dibenarkan membawa keluar pelajar dari kawasan sekolah sekiranya berlaku kecemasan dengan pengetahuan pihak sekolah.
- 5.1.2 Pelajar mesti mengisi borang kebenaran keluar yang ditandatangani oleh ibu bapa/penjaga dan diserahkan kepada PK. HEM/Guru Disiplin/Guru Bertugas.
- 5.1.3 Pelajar yang menyertai aktiviti di luar sekolah, ibu bapa/ penjaga mesti menandatangani surat kebenaran mengikuti aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah, Jabatan Gabungan Pelajaran Daerah, Bahagian, Jabatan Pelajaran Negeri, Kementerian Pelajaran Malaysia mahupun pihak swasta atau NGO.
- 5.1.4 Pelajar tidak dibenarkan meninggalkan kawasan sekolah dalam tempoh pembelajaran yang telah ditetapkan tanpa pengetahuan daripada pihak sekolah.

- 5.1.5 Pelajar yang memerlukan rawatan perubatan ke klinik/hospital, mesti mendapatkan surat kebenaran dari sekolah yang ditandatangani oleh guru disiplin/guru bertugas/PK.HEM. Setelah selesai mendapatkan rawatan, pelajar dikehendaki mengembalikan keratan surat tersebut yang telah ditandatangani oleh Pegawai Perubatan/Doktor yang telah merawat pelajar kepada guru yang berkenaan sebagai membuktikan anda telah dirawat.
- 5.1.6 Masa untuk mendapatkan rawatan :
- a) Pelajar sesi pagi : dibenarkan ke klinik/hospital hanya selepas tamat pembelajaran
 - b) Pelajar sesi petang:dibenarkan ke klinik/hospital pada waktu pagi/sebelum pembelajaran sesi petang bermula.
- 5.1.7 Mana-mana pelajar yang keluar dari kawasan sekolah tanpa kebenaran, pihak sekolah tidak akan bertanggungjawabsekiranya berlaku sesuatu perkara yang tidak diingini terhadap pelajar tersebut.
- 5.1.8 Sekiranya pelajar sakit atau mengalami kecederaan semasa berada di sekolah ibu bapa/penjaga dikehendaki mengambil pelajar tersebut. Sekiranya ibu bapa/penjaga tidak dapat dihubungi, maka guru boleh menghantar pelajar tersebut ke hospital.
- 5.1.9 Pelajar yang diberi kebenaran pulang awal adalah untuk kes kematian, sakit atau urusan Kad Pengenalan atau Sijil Lahir.
- 5.1.10 Ibu bapa/penjaga dikehendaki mengisi borang kebenaran pulang, sebagai bukti perakuan membawa balik anak di bawah jagaan atas urusan seperti yang dinyatakan di atas.

5.2 MASUK KE KAWASAN SEKOLAH

- 5.2.1 Pelajar hanya dibenarkan masuk ke kawasan sekolah pada hari persekolahan/ko-kurikulum dan acara/ majlis rasmi.
- 5.2.2 Orang luar/pelawat termasuk ibu bapa/penjaga tidak dibenarkan masuk kecuali hujan/kecemasan.
- 5.2.3 Setiap pelawat/ibu bapa/penjaga dilarang sama sekali terus menemui anak di bawah jagaan mereka di dalam kelas.
- 5.2.4 Setiap pelawat/ibu bapa/penjaga yang ingin berurusan dengan pihak sekolah mesti mendapatkan pas kebenaran masuk daripada pengawal keselamatan dan perlu mencatat tarikh, hari, masa, nama, no kad pengenalan, dan tujuan lawatan di buku rekod keluar masuk ke kawasan sekolah.

- 5.2.5 Setiap pelawat / ibu bapa / penjaga yang ingin masuk ke kawasan sekolah mesti mendapatkan kebenaran daripada pihak pentadbiran sekolah terlebih dahulu.

PERKARA 6 : PERHIMPUNAN

6.1 PERATURAN AM

- 6.1.1 Pelajar perlu berada di kawasan perhimpunan sekurang-kurangnya 5 minit sebelum masa perhimpunan diadakan.
- 6.1.2 Semasa perhimpunan sekolah, semua pelajar diwajibkan hadir. Pelajar-pelajar hendaklah beratur di luar kelas mengikut tingkatan dan berjalan segera dengan teratur ke tempat perhimpunan. Di tempat perhimpunan pelajar hendaklah berbaris mengikut tingkatan seperti yang telah ditetapkan.
- 6.1.3 Aturcara perhimpunan :
- a) Ucapan pengerusi
 - b) Nyanyian lagu Negaraku dan lagu Sabah Tanah Airku
 - c) Ucapan guru bertugas (minggu sebelumnya)
 - d) Ucapan Guru Disiplin
 - e) Ucapan mana-mana guru
 - f) Ucapan Pengetua, GPK 1, GPK HEM, PK Kokum @ Penyelia Petang
 - g) Nyanyian Lagu Sekolah
 - h) Doa
 - i) Dan lain-lain jika difikirkan perlu
- 6.1.4 Masa perhimpunan:
- a) Sesi pagi : 6.45-7.20 pagi (setiap Isnin)
 - b) Sesi petang : 3.10-3.20 (setiap Isnin)
 - c) Perhimpunan juga boleh dilakukan mengikut mana-mana keperluan
- 6.1.5 Semasa berada di tempat perhimpunan, semua pelajar dikehendaki berdiam diri dan senyap.
- 6.1.6 Semua pelajar dikehendaki menyanyikan lagu kebangsaan “Negaraku” dan lagu “Sabah Tanah Airku” dengan teratur dan penuh semangat apabila bendera Malaysia, Sabah dan Sekolah dinaikkan semasa perhimpunan. Menjadi tanggungjawab setiap pelajar menghormati lagu kebangsaan, Negeri dan Sekolah dengan berdiri tegak apabila lagu itu dinyanyikan.
- 6.1.7 Semua pelajar dikehendaki sentiasa senyap dan memberi perhatian yang sepenuhnya kepada semua ucapan dan pengumuman yang disampaikan oleh Pengetua dan guru-guru.

- 6.1.8 Pelajar yang lewat, dikehendaki berdiri tegak di mana-mana sahaja dia berada dalam kawasan sekolah semasa lagu kebangsaan , negeri dan sekolah dinyanyikan, sebagai tanda menghormati lagu tersebut. Pelajar-pelajar ini dikehendaki membuat satu barisan khas tidak mengikut tingkatan di tepi tempat perhimpunan.
- 6.1.9 Pelajar petang dilarang berada di Blok A dan blok B semasa sesi persekolahan pagi berjalan dan sebaliknya.
- 6.1.10 Pelajar petang mesti berada di kantin ,di Anjung Puteri, di kawasan pondok-pondok ilmu sahaja.

PERKARA 7 : KESOPANAN DAN KESUSILAAN PELAJAR

7.1 KESOPANAN DALAM SEKOLAH

- 7.1.1 Sebelum loceng pertama dibunyikan, pelajar-pelajar tidak dibenarkan masuk ke dalam kelas untuk meletakkan beg dan buku. Pelajar hanya dibenarkan berada di kawasan kantin sahaja . Mereka tidak dibenarkan berada di dalam kelas kecuali bagi pelajar yang bertugas sahaja.
- 7.1.2 Sekiranya guru tidak datang ke kelas dalam masa 5 minit, ketua kelas/penolong kelas dikehendaki bertanya kepada guru bertugas.
- 7.1.3 Semua pelajar bertanggungjawab menjaga peralatan di dalam kelas. Ketua kelas mesti melaporkan kepada guru tingkatan dengan segera jika berlaku sebarang kerosakkan.
- 7.1.4 Semasa pembelajaran sedang berjalan, pelajar tidak dibenarkan keluar dari kelas tanpa kebenaran guru berkenaan atau pengawas atau ketua kelas di dalam kelas yang akan memberikan “kad atau Pas Keluar Kelas”.
- 7.1.5 Pelajar yang hendak masuk kelas dan guru sedang mengajar, dikehendaki mengetuk pintu terlebih dahulu dan menerima kebenaran masuk.
- 7.1.6 Pelajar mestilah bangun memberi hormat apabila guru-guru atau pelawat-pelawat masuk ke dalam kelas dan memberikan ucapan “Selamat sejahtera/salam” dan hendaklah bangun apabila mereka keluar meninggalkan kelas dengan mengucapkan “terima kasih”.
- 7.1.7 Pelajar-pelajar yang lambat hadir ke sekolah mestilah mengetuk pintu dan meminta kebenaran masuk daripada guru dan memberitahu sebab-sebab kelewatannya.
- 7.1.8 Pelajar dilarang membuat bising semasa ketiadaan guru dalam kelas. Sekiranya guru lambat masuk ke kelas, ketua kelas mestilah memanggil guru berkenaan. Jika guru tidak hadir ke sekolah, ketua kelas atau pengawas mestilah mengawas kelas tersebut

- sehingga guru ganti datang atau jika tiada, ketua kelas akan mengawasi pelajar. Laporkan kepada guru disiplin jika pelajar bising.
- 7.1.9 Pelajar-pelajar diwajibkan menumpukan perhatian yang sepenuhnya kepada proses pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas.
 - 7.1.10 Semua pelajar diwajibkan mengambil ujian-ujian bulanan, peperiksaan sekolah dan peperiksaan PMR dan SPM.
 - 7.1.11 Semua pelajar diwajibkan mematuhi peraturan-peraturan peperiksaan bagi pelajar SMKP.
 - 7.1.12 Apabila hendak bercakap atau mengemukakan pertanyaan, pelajar mestilah mengangkat tangan. Apabila dibenarkan bercakap, berdirilah dengan betul iaitu kedua-dua tangan lurus ke bawah bukannya dimasukkan ke dalam poket atau bercekak pinggang.
 - 7.1.13 Pelajar dikehendaki memberi hormat ucap salam, selamat sejahtera, selamat pagi dan sebagainya kepada guru-guru, warga sekolah dan tetamu ketika berada di sekolah.
 - 7.1.14 Pelajar tidak digalakkan pergi ke tandas semasa kelas sedang dijalankan atau semasa pertukaran waktu mata pelajaran.. Seboleh-bolehnya pelajar dikehendaki membiasakan diri pergi ke tandas sebelum loceng pertama dibunyikan atau semasa rehat.
 - 7.1.14 Pelajar-pelajar tidak dibenarkan meninggalkan harta benda milik pelajar di dalam kelas.
 - 7.1.15 Pelajar-pelajar tidak dibenarkan makan dan minum di dalam kelas dan semasa perhimpunan sekolah. Pelajar-pe;ajar hanya dibenarkan minum selepas waktu Pendidikan Jasmani.
 - 7.1.16 Berhubung dengan perkara 1.3 jika pelajar datang ke sekolah selepas digantung 1 atau 2 minggu tetapi masih mengulangi perbuatan yang sama dia akan diberi amaran keras dan seterusnya boleh dibuang sekolah.
 - 7.1.17 Apabila membeli makanan semasa rehat, pelajar-pelajar dikehendaki beratur dengan tertib dan ikut arahan pengawas-pengawas yang bertugas.
 - 7.1.18 Pelajar-pelajar dikehendaki duduk ketika makan dan minum.
 - 7.1.19 Jangan tinggalkan sebarang jenis pembalut makanan atau saki baki makanan di atas meja atau di tempat mencuci tangan (sinki)

- 7.1.20 Masukkan segala jenis pembalut makanan dan baki makanan ke dalam tong sampah yang disediakan di kantin. Pinggan, sudu, cawan, botol dan piring yang digunakan hendaklah diletakkan di dalam bekas yang disediakan.
- 7.1.21 Para pelajar dilarang membeli makanan di luar waktu rehat.
- 7.1.22 Para pelajar tidak dibenarkan masuk ke kawasan dapur kantin.
- 7.1.23 Para pelajar hendaklah menjaga kebersihan kantin.
- 7.1.24 Para pelajar dilarang membeli makanan dari luar kawasan sekolah.
- 7.1.25 Para pelajar dilarang menjual minuman atau makanan di kawasan sekolah kecuali aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah seperti Hari Pasar Ria, Hari Usahawan dan sebagainya.
- 7.1.26 Para pelajar hendaklah sentiasa membuang sampah ke dalam tong sampah.

7.2 KESOPANAN DI LUAR SEKOLAH

- 7.2.1 Pelajar haruslah memakai pakaian seragam sekolah yang lengkap semasa menghadiri sebarang kursus, seminar, lawatan atau pertandingan luar sekolah.
- 7.2.2 Pelajar haruslah berkelakuan sopan dan sentiasa mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak yang berkenaan.
- 7.2.3 Pelajar haruslah menjaga imej dan nama baik sekolah semasa berada di tempat-tempat awam ketika memakai pakain seragam sekolah.
- 7.2.4 Pelajar tidak dibenarkan memakai pakain seragam sekolah ketika hendak membeli belah di pasaraya atau ke pusat-pusat hiburan atau ke taman-taman rekreasi.

7.3 BILIK-BILIK KHAS

- 7.3.1 Setiap pelajar mestilah mematuhi peraturan bilik-bilik khas seperti bilik guru, makmal, bilik kemahiran hidup, bilik ERT, surau, bilik komputer, bilik gerakkan, pejabat, bilik penolong kanan, bilik PK HEM, bilik penyelia petang, bilik disiplin, bilik setiausaha peperiksaan, bilik seni dan tandas (termasuk langkah-langkah keselamatan)
- 7.3.2 Penggunaan tandas
 - a. Pelajar sesi pagi – tandas di tingkat dua
 - b. Pelajar sesi petang – tandas di tingkat satu

PERKARA 8 : PENAMPILAN DIRI

8.1 PAKAIAN SERAGAM PELAJAR SEKOLAH

- 8.1.1 Baju kurung
- Warna putih
 - Kain daripada jenis *cotton*
 - Labuh sampai paras lutut
 - Lengan panjang
 - Potongan tradisional dan leher teluk belanga
 - Mestilah meletakkan butang atau kerongsang
- 8.1.2 Kain kurung
- Warna biru laut
 - Panjang/ labuh kain sehingga paras tumit kaki
 - Kain daripada jenis *cotton*
 - Fesyen – sama ada ‘A’ Line atau kipas
- 8.1.3 Baju kemeja
- Warna putih
 - Lengan pendek
 - Berkolar
 - Tiada “lisu” di depan dan di belakang
- 8.1.4 Pinafore
- Warna biru laut
 - Kain jenis *cotton*
 - Panjang mestilah sampai paras lutut
- 8.1.5 Tudung
- Tudung mini bentuk 3 segi dua sama
 - Warna putih sahaja
 - Kain jenis lembut *polyster*
 - Ukuran :
 - Dari sisi - di bawah paras bahu
 - Dari depan- hujung di bawah paras pusat
 - Dari belakang – hujung di bawah paras pingang
 - Mesti dilipat dan diletakkan peniti yang bersaiz kecil dan tidak berwarna.
 - Tiada hiasan di tepi tudung contoh: renda atau sulaman dan sebagainya.
 - Semasa menghadiri sekolah/aktiviti kokurikulum/kelas PJK/kelas tambahan dan sukan, pelajar yang memakai tudung wajib memakai tudung untuk aktiviti tersebut.
- 8.1.6 Anak tudung
- Warna putih untuk hari persekolahan.
 - Warna hitam untuk aktiviti sekolah/ko-kurikulum/PJK

- c. Tidak boleh menggunakan plastik pengeras tudung
- 8.1.7 Baju dalam (singlet) dan kain dalam
- a. Mestilah berwarna gelap dan tidak bercorak
 - b. Ukuran baju dalam mestilah sehingga paras pinggang.
 - c. Ukuran kain dalam mestilah paras atas buku lali bagi kain kurung dan paras atas lutut bagi pelajar yang memakai skirt atau pinafore.
- 8.1.8 Lencana
- a. Mestilah dijahit dengan menggunakan benang putih
 - b. Diletakkan di tudung atau baju kurung/pinefore/kemeja
 - c. Kedudukan lencana:
 - i. Pelajar sesi petang : kanan
 - ii. Pelajar sesi pagi : kiri
 - iii. Lencana mesti di sebelah atas tanda nama
 - d. Pelajar yang memakai tudung juga dikehendaki menjahit lencana di atas baju kurung
 - e. Lencana tidak boleh diwarnakan/diconteng
- 8.1.9 Tanda nama
- a. Dilekatkan di tudung atau baju kurung/pinefore/kemeja
 - b. Mestilah dijahit dengan menggunakan benang putih
 - c. Kedudukannya di sebelah kiri bawah daripada lencana
 - d. Pelajar yang memakai tudung juga dikehendaki menjahit tanda nama di atas baju kurung.
 - e. Tanda nama tidak boleh diwarnakan/diconteng
- 8.1.10 Stokin
- a. Warna putih
 - b. Tidak bercorak atau mempunyai hiasan
 - c. Ukuran menutupi atas buku lali
- 8.1.11 Kasut sekolah
- a. Kasut getah atau kanvas sepenuhnya
 - b. Warna putih
 - c. Tinggi tidak melebihi paras buku lali
 - d. Pelajar dilarang memakai selipar atau kasut selain daripada kasut sekolah.
 - e. Tali kasut tidak boleh dililit
- 8.1.12 Beg sekolah
- a. Beg yang bersesuaian dengan seorang pelajar sekolah. (30X30 cm)
- 8.1.13 Perhiasan
- a. Jam tangan -saiz muka jam tidak melebihi besar duit 20 sen
 - b. Barang kemas -tidak dibenarkan memakainya
 - c. Anting-anting -bukan emas
 - saiz kecil

- mestilah diletakkan di hujung telinga
- tidak melebihi 1 pasang
- tidak dibenarkan memakai subang atau anting-anting di hidung.
- d. Kerongsang - saiz kecil dan tidak melebihi duit 10 sen
- e. Peniti - saiz kecil dan tidak berwarna (besi)

8.1.14 Guru pengajaran dan pembelajaran masa pertama (5 minit pertama) boleh membuat *spot-check* penampilan diri pelajar.

8.2 RAMBUT

8.2.1 Pelajar dinasihatkan berambut hingga mencecah bahu sahaja. Jika rambut panjang menyentuh atau melebihi paras bahu, pelajar berkenaan diwajibkan mengikat rambut dengan menggunakan riben atau getah berwarna hitam atau biru gelap sahaja.

8.2.2 Pada bahagian hadapan, rambut tidak dibenarkan melebihi kening. Sekiranya melebihi kening, pihak sekolah berhak untuk memotongnya setelah 3 kali amaran bertulis diberikan.

8.2.3 Pelajar dilarang berambut pendek menyerupai seperti lelaki.

8.2.4 Rambut berfesyen dan menjolok mata dilarang sama sekali.

8.2.5 Pelajar hanya dibenarkan menggunakan getah rambut, sepit rambut dan cekak rambut yang berwarna biru gelap dan hitam sahaja.

8.2.6 Pelajar dilarang mewarnakan rambut walaupun dengan menggunakan inai. Sekiranya pelajar mewarnakan rambutnya, pihak sekolah berhak untuk memotongnya setelah 3 kali amaran bertulis.

8.3 KUKU

8.3.1 Pelajar dilarang berkuku panjang. Sekiranya pelajar mempunyai kuku panjang, pihak sekolah berhak untuk memotongnya.

8.3.2 Pelajar dilarang mewarnakan kuku walaupun dengan menggunakan inai.

8.4 KENING

8.4.1 Pelajar tidak dibenarkan mencukur atau mencabut bulu kening.

8.4.2 Pelajar juga dilarang mencukur/mencabut/mengunting semua jenis bulu di kawasan muka.

8.4.3 Pelajar dilarang menggunakan celak mata atau mascara atau apa sahaja alat solek.

PERKARA 9 : KANTIN SEKOLAH.

9.1 PERATURAN AM

- 9.1.1 Ketika membeli makanan semasa rehat, pelajar dikehendaki beratur dengan tertib dan mengikut arahan pengawas yang bertugas di kantin.
- 9.1.2 Pelajar-pelajar dikehendaki duduk ketika minum dan makan di kantin.
- 9.1.3 Jangan tinggalkan sebarang jenis pembalut makanan atau baki makanan di atas meja atau di tempat mencuci tangan/sinki.
- 9.1.4 Masukkan segala jenis pembalut makanan dan baki makanan ke dalam tong sampah yang disediakan di kantin. Piring, sudu, cawan, botol dan apa sahaja peralatan kantin yang digunakan oleh pelajar hendaklah diletakkan di dalam bekas yang disediakan.
- 9.1.5 Pelajar dilarang membeli makanan di luar ketika waktu rehat.
- 9.1.6 Pelajar dilarang masuk ke dalam dapur kantin.
- 9.1.7 Pelajar hendaklah menjaga kebersihan kantin. Sekiranya kantin kotor, semua pelajar akan didenda untuk membersihkannya.
- 9.1.8 Pelajar dilarang membeli makanan di luar kawasan sekolah.
- 9.1.9 Pelajar dilarang makan dan minum di luar kawasan kantin sekolah.
- 9.1.10 Pelajar tidak dibenarkan menjual sebarang bentuk makanan atau minuman..
- 9.1.11 Pelajar tidak dibenarkan makan atau minum di meja guru.
- 9.1.12 Pelajar dilarang menjerit semasa berada di kantin dan semasa membeli makanan.
- 9.1.13 Pelajar dilarang berludah dan membuang sampah di sekitar kawasan kantin.
- 9.1.14 Pelajar dikehendaki berbaris ketika membeli makanan di kantin.

PERKARA 10 : KEBERSIHAN DAN KECERIAAN SEKOLAH

10.1 PERATURAN AM

- 10.1.1 Semua pelajar bertanggungjawab menjaga kebersihan bilik- bilik khas, bilik darjah dan kawasan sekolah .
- 10.1.2 Semua pelajar bertanggungjawab membersihkan bilik darjah masing – masing iaitu ,

semasa rehat mengikut jadual kelas masing-masing.

- 10.1.3 Semua bilik darjah mestilah sentiasa berada dalam keadaan bersih dan ceria. bahagian papan kenyataan mestilah dikemaskini dari semasa ke semasa. Struktur organisasi kelas, jadual waktu kelas, jadual bertugas pelajar, carta–carta pengajaran dan pembelajaran dan sebarang pengumuman terkini mestilah ditampalkan dengan kemas dan tersusun .
- 10.1.4 Para pelajar dilarang membuang sampah merata-rata tempat di dalam atau di luar kawasan sekolah mahupun di dalam bilik darjah pelajar.
- 10.1.5 Para pelajar sepatutnya memastikan keadaan tong sampah sentiasa bersih dari sampah sarap. Pelajar tidak dibenarkan membuang sampah dari bangunan sekolah, kawasan kaki lima bangunan dan dilarang meninggalkan sampah di dalam laci meja pelajar.
- 10.1.6 Para pelajar dilarang menconteng, melukis, menebuk dan merosakkan sebarang harta benda sekolah, seperti bilik darjah, bilik khas, tandas guru, tandas pelajar, kawasan kantin sekolah, pondok telefon dan pondok–pondok ilmu sekolah .

PERKARA 11 : KESELAMATAN PELAJAR DAN SEKOLAH

11.1 PERATURAN AM

- 11.1.1 Para pelajar adalah diingatkan supaya berjalan di lorong kanan jalan raya ketika masuk dan keluar dari kawasan sekolah . Pelajar juga diperingatkan dan dilarang supaya tidak berjalan secara berkumpulan, berlari–lari anak, berdua–berduaan, bersaing–saing ketika berjalan masuk atau keluar dari kawasan sekolah ini.
- 11.1.2 Jangan bergurau–gurau, bermain dan bertolak–tolak ketika berada di atas jalan raya. Pelajar juga dilarang berjalan berdua-duaan untuk menjamin keselamatan.
- 11.1.3 Para pelajar dikehendaki menggunakan kawasan pejalan kaki yang telah disediakan oleh pihak Taman Khong Lok dan berwaspada ketika berjalan keluar dari kawasan sekolah ke jalan raya besar.
- 11.1.4 Sebelum melintas jalan raya, pelajar dingatkan memandang ke kiri dan ke kanan jalan untuk memastikan keselamatan ketika melintas jalan raya.
- 11.1.5 Para pelajar dikehendaki beratur dan berbaris semasa menaiki dan menuruni bas sekolah dan bas awam.
- 11.1.6 Pelajar yang telah berada di dalam kawasan sekolah tidak dibenarkan keluar dari kawasan sekolah tanpa kebenaran pihak sekolah.

- 11.1.7 Bas sewa, kenderaan awam dan kenderaan persendirian dilarang memasuki kawasan sekolah tanpa kebenaran pihak sekolah dan tanpa urusan penting . Sekiranya keadaan cuaca tidak baik, semua kenderaan tersebut juga tidak dibenarkan memasuki kawasan sekolah. Jika peraturan ini tidak dipatuhi sebarang kemalangan berlaku adalah tanggungjawab pemandu itu sendiri.
- 11.1.8 Kenderaan persendirian/awam dikehendaki menurunkan pelajar di tempat yang telah ditetapkan agar tidak mengganggu kenderaan guru memasuki kawasan sekolah. Jika ini berlaku, pelajar yang menaiki kenderaan tersebut akan dikenakan tindakan .
- 11.1.9 Para pelajar mesti/patut memastikan suis lampu dan kipas dimatikan selepas digunakan, terutamanya selepas waktu pembelajaran berakhir .
- 11.1.10 Pihak sekolah hanya bertanggungjawab terhadap keselamatan pelajar di dalam kawasan sekolah:
- a) Pelajar sesi pagi bermula pada 6.30 pagi hingga 1.30 tengah hari
 - b) Pelajar sesi petang bermula pada pukul 12.30 tengahari hingga 5.50 petang
- 11.1.10 Selain dari masa di atas, keselamatan pelajar adalah tanggungjawab pelajar dan keluarga masing-masing .
- 11.1.11 Pelajar tidak dibenarkan membawa wang lebih daripada RM 10.00 dan mesti menjaga wang dengan cermat. Sekiranya ada apa apa kehilangan, pelajar itu akan bertanggungjawab sendiri. Walau bagaimanapun pelajar perlu memaklumkan kepada guru bertugas dengan kadar segera sebelum masa rehat atau pulang.
- 11.1.12 Ibu bapa dikehendaki memaklumkan pihak sekolah tentang penyakit yang dihadapi anaknya (jika ada) secara bertulis kepada guru kelas untuk simpanan di dalam fail sahiah pelajar.
- 11.1.13 Pelajar dikehendaki berwaspada ketika menggunakan ‘*water cooler*’ khususnya ketika mengambil air panas.
- 11.1.14 Pelajar dilarang sama sekali mencuci tangan atau membasuh muka dengan ‘*water cooler*’.

PERKARA 13 : PERATURAN AM PELAJAR

13.1 REKOD KESALAHAN PELAJAR

- 13.1.1 Sebarang kesalahan pelajar dari kelas peralihan/tingkatan 1 hingga mereka meninggalkan sekolah akan dicatatkan ke dalam “Kad Rekod Salah Laku/Kesalahan Pelajar” .

- 13.1.2 Penilaian tentang kelakuan pelajaran akan dibuat berdasarkan rekod-rekod dalam “Kad Rekod Salah Laku”.

13.2 DOKUMEN-DOKUMEN SEKOLAH

- 13.2.1 Sijil berhenti sekolah hanya akan dikeluarkan kepada semua pelajar yang telah menamatkan persekolahan.
- 13.2.2 Sijil sekolah tidak akan dikeluarkan kepada pelajar-pelajar yang telah dibuang/disingkirkan dari sekolah oleh pihak sekolah.
- 13.2.3 Pelajar hendaklah menjelaskan semua bentuk yuran sekolah dan hutang kepada pihak sekolah sebelum memohon sijil berhenti sekolah.
- 13.2.4 Pelajar-pelajar yang belum memulangkan buku teks, buku pusat sumber, alat-alat sukan/harta benda hendaklah memulangkan sebelum memohon sijil berhenti sekolah.
- 13.2.5 Semua pelajar yang berhenti sekolah tanpa kebenaran/pengetahuan ibu bapa dan penjaga tidak akan diberikan sijil berhenti sekolah.
- 13.2.6 Pengawas, ketua tingkatan dan semua yang memegang jawatan di sekolah ini dan telah disingkirkan tidak akan dinyatakan jawatannya di dalam Sijil Akuan Pelajar.
- 13.2.7 Semua pelajar/bekas pelajar yang hendak mengambil/memohon sijil-sijil/keputusan peperiksaan PMR/SPM hendaklah hadir ke sekolah dengan pakaian dan rambut yang kemas.
- 13.2.8 Sebarang sijil tidak akan dikeluarkan kepada wakil pelajar.
- 13.2.9 Gambar-gambar pelajar yang diserahkan kepada sekolah untuk tujuan tertentu hendaklah memakai pakaian seragam sekolah dan kemas.
- 13.2.10 Pengetua berhak mencatat rekod salah laku pelajar di dalam sebarang dokumen yang dikeluarkan oleh sekolah.

13.3 KESALAHAN YANG TIDAK TERCATAT.

Mana-mana salah laku yang tidak tercatat/tidak disenaraikan dalam buku ini tetapi dianggap sebagai salah laku atau pelanggaran disiplin oleh Pengetua/Jawatankuasa tatatertib sekolah maka tindakan boleh dikenakan ke atas pelajar.

13.4 BARANG RAMPASAN

- 13.4.1 Senarai barangan tidak boleh dibawa/dirampas dan perlu dituntut oleh ibu bapa.

13.4.2 Buku teks jika dirampas, pelajar mesti berurusan dengan Guru SPBT untuk mendapatkan semula buku yang dirampas. Pelajar juga tertakluk kepada peraturan yang dikeluarkan oleh unit SPBT sekolah.

13.4.3 Tempoh menuntut barang rampasan hanya 2 minggu sahaja.

13.5 ALAT-ALAT TEKNOLOGI

13.5.1 Telefon bimbit tidak dibenarkan (dilarang keras) dibawa masuk ke dalam dewan ujian, peperiksaan dalaman mahupun peperiksaan SPM/PMR

13.5.2 Telefon bimbit boleh dirampas jika disalahguna. Contoh : menggunakan telefon semasa pengajaran dan pembelajaran, bermain ‘SMS’

13.5.3 Pihak sekolah tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan telefon bimbit.

13.5.4 Kamera hanya boleh dibawa dan digunakan semasa acara rasmi sekolah, Contoh; Haru Guru, Sukan Tahunan, Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah, Anugerah Bestari, Karnival Sukan, Pasaria dan sebagainya.

PERKARA 14 : LEMBAGA DISIPLIN

14.1 TINDAKAN DISIPLIN/HUKUMAN

Pelajar-pelajar yang melanggar mana-mana peraturan yang dikuatkuasakan ini dan didapati sabit kesalahannya akan dikenakan tindakan/hukuman seperti berikut :

14.1.1 Nasihat

14.1.2 Amaran lisan secara umum/individu .

14.1.3 Amaran bertulis sebanyak 3 kali

a. Amaran Pertama - 10 markah demerit

b. Amaran Kedua - 15 markah demerit

c. Amaran ketiga - 20 markah demerit

14.1.4 Denda / kelas tahanan / kerja amal

14.1.5 Membayar ganti rugi yang setimpal

14.1.6 Bimbingan dan kaunseling

14.1.7 Perjanjian dengan ibu bapa/penjaga

14.1.8 Mengenakan tindakan mengikut Sistem Demerit

14.1.9 Digantung persekolahan bertarikh

14.1.10 Dibuang sekolah

14.1.12 Tindakan undang-undang oleh pihak polis/mahkamah

KUASA MENGAMBIL TINDAKAN / HUKUMAN

Pihak yang berkuasa/bertanggungjawab untuk mengambil tindakan dalam semua di atas ialah :

- 14.2.1 Pengetua
- 14.2.2 Penolong Kanan 1
- 14.2.3 Penolong Kanan HEM
- 14.2.4 Penyelia Petang
- 14.2.5 Penolong Kanan Kokurikulum
- 14.2.4 Ketua Guru Disiplin
- 14.2.5 Guru– Guru Disiplin
- 14.2.6 Guru Tingkatan
- 14.2.7 Guru Mata Pelajaran
- 14.2.8 Guru bertugas Mingguan

14.3 JADUAL KESALAHAN DAN HUKUMAN

Kategori	Jenis Kesalahan	Tindakan / Hukuman	Pelaksana / Penentu
Jenayah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jenayah takrifan polis luar sekolah 2. Jenayah takrifan polis berlaku diluar kawasan sekolah seperti yang dinyatakan dalam Buku Rekod Salahlaku. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Siasatan Polis 2. Gantung sekolah 2 minggu 3. Buang sekolah 	Mahkamah Lembaga Disiplin Sekolah
Berat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melakukan mana–mana kesalahan sederhana tiga kali. 2. Mengedar menghisap atau terbabit dalam kegiatan dadah. 3. Membawa, menyimpan atau menghisap bahan tembakau. 4. Minum atau meminum minuman keras atau sebarang benda yang memabukkan. 5. Melakukan pergaduhan atau kekerasan . 6. Memukul, mengancam, mengugut atau biadap terhadap guru. 7. Memukul mengancam mengugut dan memeras ugut pengawas dan 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Markah Demerit 50. 2. Digantung sekolah 1 atau 2 minggu. 	Lembaga Disiplin Sekolah.

	<p>pelajar lain.</p> <ol style="list-style-type: none"> 8. Membawa atau menggunakan senjata atau alat berbahaya. 9. melakukan buli, penderaan, paksaan pemerasan atau peras ugur terhadap pelajar lain. 10. Mencuri, merompak, memecah masuk dan menceroboh kawasan larangan. 11. Melakukan perjudian atau membabitkan diri dalam pertaruhan. 12. Mencetak, menerbit, mempamer, mengedar atau menyimpan rencana majalah atau pita rakaman yang terlarang dan multimedia. 13. Membabitkan diri dalam kumpulan haram. 14. Mencabul kehormatan pelajar lain. 15. Melakukan zina, liwat, menjadi bohsia/lesbian dan hubungan luar tabii. 16. Bersekedudukan atau membabitkan diri dalam kegiatan tidak bermoral. 17. Menulis atau mengeluarkan kenyataan akhbar tanpa pengetahuan pihak sekolah. 18. Merosakkan harta benda sekolah. 19. Membawa atau menggunakan bahan letupan. 20. Menulis atau melukis perkataan atau gambar lucah atau melakukan 		
--	---	--	--

	<p>perbuatan lucu.</p> <p>21. Membabitkan diri dalam tunjuk perasaan, perhimpunan haran atau merusuh.</p> <p>22. Menyalahgunakan alat permainan elektronik atau bahan multimedia.</p> <p>23. Membawa atau menggunakan alat yang menyebabkan kecederaan atau mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran atau peperiksaan atau ujian.</p> <p>24. Menganjurkan atau membabitkan diri dalam acara kebudayaan yang bertentangan dengan nilai masyarakat Malaysia.</p> <p>25. Melakukan ponteng sekolah berterusan (berturut-turut) selama 30 hari dan berkala 60 hari selama satu tahun sesi persekolahan.</p> <p>26. Menjejaskan kuasa pengetua atau guru-guru lain menjalankan tugas.</p> <p>27. Menjejaskan nama baik/imej sekolah di mata masyarakat.</p> <p>28. Kesalahan lain yang difikirkan termasuk dalam kategori Lembaga Disiplin Sekolah.</p>		
Sederhana	<p>1. Melakukan mana-mana kesalahan ringan kali ketiga.</p> <p>2. Memiliki, menyimpan, membawa senjata atau benda, alat yang dianggap berbahaya.</p>	<p>1. Markah demerit 30</p> <p>2. Surat makluman kepada ibu bapa</p>	

	<ol style="list-style-type: none"> 3. Berjudi atau bermain permainanyang berunsur perjudian. 4. Menyalahgunakan peralatan elektrik 5. Membawa masuk tetamu dari luar ke kawasan sekolah. 6. Bercumbu. 7. Keluar dari sekolah tanpa kebenaran. 8. Mencuri. 9. Ponteng sebarang acara rasmi sekolah. 10. Ponteng sekolah. 11. Tidak menduduki ujian bulanan dan peperiksaan semester. 12. Mengedar, memiliki, membawa, melukis dan mempamer bahan lucah. 13. Mengeluarkan kata-kata kesat dan lucah. 14. Melakukan hubungan yang dicurigai. 15. Fesyen rambut seperti punk/skin head/mewarnakan rambut atau fesyen yang bercanggah dengan peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia 16. Tidak menghormati lagu-lagu dan bendera, kebangsaan, negeri dan sekolah 17. Menconteng papan tulis, papan kenyataan dan mana-mana bahagian sekolah. 18. Kesalahan lain yang difikirkan termasuk kategori ini oleh Jawatankuasa Disiplin. 		
--	--	--	--

SMK Perempuan Sandakan : Peraturan Sekolah

<p>Ringan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Berambut pendek atau menyerupai kumpulan tertentu. 2. Bermain di dalam bilik darjah, koridor atau kawasan yang dilarang. 3. Menggunakan atau membawa keluar sebarang peralatan bilik darjah dan sekolah tanpa kebenaran. 4. Keluar dari bilik darjah tanpa kebenaran. 5. Ponteng kelas. 6. Berada di kantin waktu persekolahan (kecuali waktu rehat) tanpa kebenaran. 7. Menyimpan datau menggunakan alat permainan kepunyaan sekolah tanpa kebenaran. 8. Menggunakan alat hiburan atau elektronik di sekolah. 9. Tidak mematuhi peraturan makmal. 10. Memakai barang kemas atau perhiasan atau alat solek kecuali jam tangan bersaiz kecil. 11. Memasuki bilik khas tanpa kebenaran. 12. Makan dan minum di bilik darjah pada sebarang masa. 13. Melakukan pembaziran air dan elektrik. 14. Tidak memakai pakaian seragam sekolah dengan lengkap. 15. Kesalahan yang bersabit dengan pembelajaran: tidak membawa buku teks, tidak membuat 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Amaran 2. Denda 3. Markah Demerit 20 4. Alatan yang dibawa dirampas. 	
---------------	---	--	--

SMK Perempuan Sandakan : Peraturan Sekolah

	<p>kerja rumah, tidak siap kerja sekolah dan lain-lain.</p> <ol style="list-style-type: none"> 16. Datang lewat ke sekolah. 17. Lewat bergerak ke perhimpunan. 18. Bising dalam kelas sehingga mengganggu ketenteraman kelas lain. 19. Membawa kenderaan masuk ke kawasan sekolah. 20. Mengganggu dan menyebabkan kenderaan guru sukar memasuki kawasan sekolah (dihalang oleh kenderaan pelajar terbabit). 21. Kesalahan lain yang difikirkan termasuk kategori ini oleh lembaga Disiplin Sekolah. 		
<p>Biasa</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Berjalan-jalan tanpa kebenaran. 2. Tidak membuat gerakerja yang ditugaskan. 3. Tidak memberi perhatian. 4. Mengganggu kawan. 5. Keluar kelas tanpa kebenaran. 6. Mengganggu guru. 7. Lewat masuk kelas. 8. Bising. 9. Makan dan minum dalam kelas tanpa kebenaran. 10. Membuang sampah di merata-rata tempat. 11. Tidak duduk setempat. 12. Kesalahan lain yang 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nasihat. 2. Amaran 3. Tindakan yang adil dan setimpal 4. melakukan kerja-kerja kebajikan 5. Markah demerit 10 	<p>Guru-guru</p>

SMK Perempuan Sandakan : Peraturan Sekolah

	difikirkan termasuk dalam kategori ini oleh guru.		
--	---	--	--

Disediakan oleh:
Unit Disiplin SMK Perempuan Sandakan

Pengetua,
SMK Perempuan Sandakan

WDT 84,
90500 Sandakan

Tarikh:

Tuan,

BUKU PERATURAN SMK PEREMPUAN SANDAKAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

02. Saya -----

Nombor Kad Pengenalan -----ibu bapa/ penjaga

kepada pelajar yang bernama ----- di Tingkatan -----
dengan ini telah mengaku membaca dan faham sepenuhnya peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Sehubungan itu saya tidak akan mengambil sebarang tindakan terhadap pihak sekolah sekiranya anak saya dikenakan tindakan akibat melanggar mana-mana peraturan .

03. Saya juga faham bahawa peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah adalah untuk mengawal disiplin para pelajar demi melahirkan pelajar yang mempunyai nilai-nilai murni yang tinggi, berketrampilan dan menjadi pelajar cemerlang. Saya juga akan memastikan anak saya sentiasa mematuhi peraturan sekolah. Selain itu, saya juga akan memberi kerjasama kepada pihak sekolah agar tercapainya visi dan misi sekolah ini.

Sekian terima kasih.

()